

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
KARNIVAL USAHAWAN ORANG ASLI  
(KUOA) 2016**

**DI SEREMBAN PRIMA**

**23 SEPTEMBER 2016, JUMAAT  
WAKTU KETIBAAN : 11.00 PAGI**

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah yang Maha Esa, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bertemu dalam Majlis Perasmian Karnival Usahawan Orang Asli 2016 pada pagi yang mulia ini.

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atas usaha menganjurkan Karnival seperti ini. Saya percaya KUOA ini dapat memberikan manfaat yang baik kepada para usahawan Orang Asli khususnya bagi mereka yang menyertai karnival ini.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

3. **Untuk makluman, Karnival Usahawan Orang Asli ini telah bermula sejak tahun 2009 lagi.** Karnival Usahawan Orang Asli yang pertama yang diadakan di Mid Valley telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Karnival ini diteruskan pada tahun 2010 di AEON Jusco Seremban 2. **Pada tahun 2011 pula, JAKOA telah bekerjasama dengan pihak Muzium Negara dalam menganjurkan Karnival Usahawan Orang Asli kali yang ke 3.**

4. **Pada tahun berikutnya, JAKOA telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan menganjurkan Karnival Usahawan Orang Asli kali ke 4 (Tahun 2012) di Legoland Nusajaya, Johor.**

5. Pada tahun 2013, Kompleks PKNS telah dipilih sebagai lokasi penganjuran Karnival Usahawan Orang Asli. Atas sambutan yang begitu memberangsangkan ini, JAKOA membuat keputusan agar Karnival ini diadakan sekali lagi di sekitar Lembah Klang. Oleh itu, Karnival Usahawan Orang Asli bagi tahun 2014 diadakan di AEON AU2 Setiawangsa.

6. Pada tahun 2015 pula, KUOA dibuat mengikut Zon iaitu Zon Utara diadakan di Mydin Mall Ipoh, Zon Timur di Kuantan Parade, Zon Selatan di Mydin Mall Seremban dan KUD di Putrajaya.

7. **Pada tahun ini, kita mendapat penyertaan dari usahawan Orang Asli yang paling ramai sejak tahun 2009. Seramai 37 usahawan Orang Asli dan 3 Koperasi Orang Asli mengambil bahagian dalam pameran dan jualan.** Karnival Usahawan Orang Asli selama 4 hari yang bermula pada 22 hingga 25 September 2016 merupakan satu platform bagi mempromosikan produk-produk keluaran masyarakat Orang Asli.

8. Selain itu, aktiviti kebudayaan dan tradisi masyarakat Orang Asli juga turut ditampilkan bagi memperkenalkan keunikan Orang Asli kepada masyarakat umum. Melalui medium seperti ini, masyarakat umum khususnya mereka yang tinggal di bandar dapat mengenali lebih dekat mengenai keunikan dan keistimewaan masyarakat Orang Asli.

#### **Para hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Selaras dengan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara, menjadi hasrat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi JAKOA **melahirkan lebih ramai usahawan Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) ini dan dijangka JAKOA akan melahirkan 600 usahawan dimana sejumlah RM20 juta telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan** untuk melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya dari kalangan masyarakat Orang Asli sepanjang 5 tahun RMK-11. **Pada tahun 2016 ini, seramai 48 usahawan Orang Asli telah berjaya dilahirkan.** Daripada jumlah tersebut, seramai 15 usahawan dalam bidang peruncitan, 21 usahawan bidang perkhidmatan, 2 usahawan bidang pembuatan dan 10 merupakan usahawan dalam bidang pertanian.

10. **Dalam RMK10 yang berakhir pada tahun 2015, seramai 534 usahawan Orang Asli telah berjaya dilahirkan.** Daripada jumlah tersebut, seramai 249 usahawan dalam bidang peruncitan, 182 usahawan dalam bidang perkhidmatan dan 103 usahawan dalam bidang pertanian.

11. Namun begitu, usaha melahirkan usahawan di kalangan masyarakat Orang Asli bukanlah satu tugas mudah. Inilah peranan yang dimainkan oleh KKLW dan JAKOA untuk melaksanakan program dan kursus keusahawanan bagi membimbing usahawan Orang Asli ini. Oleh yang demikian, **kita telah memperuntukkan sejumlah RM4 juta bagi membantu melahirkan usahawan-usahawan Orang Asli pada tahun ini melalui bantuan pembinaan premis perniagaan, bantuan peralatan perniagaan dan kursus dan seminar keusahawanan.** Selain bantuan dari KKLW dan JAKOA, usahawan Orang Asli juga menerima bantuan daripada agensi kerajaan yang lain seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Inilah bukti bahawa Kerajaan sememangnya membantu para usahawan Orang Asli kerana bantuan yang secukupnya telah kita sediakan.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

12. Langkah ini menunjukkan bahawa kerajaan amat serius dalam melaksanakan transformasi terhadap masyarakat Orang Asli dengan mengambil kira aspek-aspek sosial masyarakat Orang Asli. Saya amat berharap agar usahawan-usahawan Orang Asli yang berada disini perlu mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap diri sendiri .

13. Usaha ini tidak akan berhenti di sini sahaja, **Kerajaan akan memberi fokus baharu bagi melahirkan usahawan dikalangan belia-belia Orang Asli.** Kita akan memberi latihan kemahiran dan kursus berkaitan usahawan kepada belia-belia Orang Asli. Belia-belia Orang Asli ini mempunyai potensi yang besar dalam menjadi usahawan kerana peluang yang disediakan Kerajaan begitu luas. Rebutlah peluang-peluang yang tersedia ini.

14. Kerajaan juga akan terus memperkasakan ekonomi koperasi melalui perniagaan organisasi seperti koperasi dengan kerjasama daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam menyediakan latihan dan kursus kepada Ahli Lembaga Koperasi Orang Asli.

15. Sehingga kini terdapat **80 buah koperasi Orang Asli yang telah didaftarkan di bawah SKM dengan keahlian seramai hampir 14,000 orang**. Pihak kementerian amat menggalakkan masyarakat Orang Asli menjalankan aktiviti perniagaan koperasi kerana ia memberikan faedah dan keuntungan yang sama rata untuk setiap ahli.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

16. Saya amat berharap melalui penganjuran Karnival Usahawan Orang Asli 2016 ini akan mencapai objektifnya. Matlamat bagi memberikan pendedahan dan peluang untuk usahawan mempromosikan produk mereka akan dapat direalisasikan melalui KUOA 2016.

17. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu JAKOA atas jemputan merasmikan Karnival Usahawan Orang Asli 2016. Begitu juga kepada dif-dif jemputan, masyarakat Orang Asli, usahawan Orang Asli, rakan media serta semua pengunjung di Seremban Prima yang mengunjung Karnival ini.

18. **Dengan lafaz Bismillahirrahniirrahim, saya merasmikan Karnival Usahawan Orang Asli 2016. Sekian, terima kasih.**